

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG:
NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-6680920/ 019-3371066

KUALA LANGAT / SEPANG

Elak pembangunan **tak terancang**

Rancangan Tempatan Daerah Kuala Langat perlu diteliti agar tidak beri kesan negatif untuk jangka masa panjang

BANTING - Rancangan Tempatan Daerah Kuala Langat perlu diteliti supaya tidak memberi kesan negatif untuk jangka panjang.

Beberapa wakil ahli Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) berpendapat, beberapa perkara perlu diteliti antaranya kawalan kawasan industri tidak terancang di kawasan kampung, sistem pembangunan di kampung tradisi dan penjualan tanah lot dalam kalangan penduduk.

Ahli Majlis Zon 15, Dr Yahya Baba berkata, pembangunan kampung tradisi perlu diteliti bagi mengelakkan masalah pada masa depan.

Katanya, kampung tradisi contohnya akan memberi impak dengan pengeluaran sampah yang boleh menyebabkan masalah kesihatan.

"Perkara ini perlu difikir-



Sebahagian ahli majlis yang hadir mendengar ucapan Mohd Azhar mengenai Rancangan Tempatan Daerah Kuala Langat di MDKL, semalam.

kan dari awal supaya tak jejas-kan komuniti," katanya pada Mesyuarat Penuh MDKL, semalam.

Sementara itu, Ahli Majlis Zon 1, Hairul Nizam Tohar berkata, pembangunan industri di peringkat kampung juga perlu diberi perhatian kerana ia belum diwartakan sebagai kawasan industri.

Bagaimanapun, katanya, kawasan kampung sudah

menjadi sasaran pengusaha industri dan jika dibiarkan, pastinya pelbagai industri bertapak tanpa kawalan.

"Malah, mungkin ada yang berani membangunkan kilang tanpa memikirkan kesejahteraan persekitaran penduduk.

"Masalah ni saya fikir dah berlaku di Batu 10 Kebun Baru, sedangkan hanya kawasan Batu 9 sahaja yang diwartakan sebagai kawasan in-

dustri," katanya.

Bagi Ahli Majlis Zon 23, Kamaruddin Bakaron, Draf Rancangan Tempatan sememangnya membantu menaikkan taraf hidup masyarakat, namun sikap pentingkan diri dalam mengejar keuntungan boleh menyebabkan sebuah kampung tergadai.

Katanya, beliau melihat aktiviti pembukaan tanah atau penjualan tanah lot di kawasan

kampung semakin rancak.

"Contohnya, ada penduduk di Kampung Jenjarum kini mula cari jalan jual tanah walaupun tapak yang ada tidak sebesar mana.

"Keadaan ini mula berleluasa dan saya bimbang jika berterusan, pembangunan akan datang jadi kelim kabut serta tak terancang," katanya.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed

Ali berkata, satu penyediaan Kajian Penggantian Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020 (RTKL 2020) akan dibuat dalam tempoh 18 bulan.

Menurutnya, penyediaan Kajian Penggantian RTKL 2020 akan diselaraskan dan dipantau bersama Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor (JPBD) dan MDKL.

Katanya, Rancangan Tempatan adalah pelan jangka panjang mengenai arah tuju dan corak pembangunan sebuah kawasan sekali gus dijadikan asas bagi semua keputusan perancangan PBT dalam memandu dan mengawal pembangunan.

"Rancangan Tempatan juga perlu dirujuk semua pihak terlibat dalam aktiviti pemajuan termasuk makluman kepada orang ramai," katanya.